BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2030 pada hari Isnin, 29 Julai 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN *Jun 2002*

Pada bulan Jun, secara keseluruhannya keadaan monetari kekal stabil. Terdapat volatiliti dalam pasaran ekuiti pada akhir bulan ini berikutan perkembangan yang kurang menggalakkan di Amerika Syarikat. Kadar faedah yang rendah dan stabil di samping keadaan mudah tunai yang lega mendorong peningkatan di dalam aktiviti pinjaman terutamanya kepada sektor isi rumah. Walaupun inflasi meningkat sedikit pada bulan Jun, ia masih berada pada tahap yang rendah. Dalam keadan ini, dasar monetari yang akomodatif terus menyokong pemulihan ekonomi.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil pada bulan Jun

Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil pada bulan ini berikutan operasi mudah tunai BNM yang menyuntik RM0.8 bilion ke dalam pasaran wang bagi mengimbangi kesan penguncupan daripada peningkatan deposit Kerajaan Persekutuan dengan BNM.



Operasi mudah tunai BNM mengembang bagi menstabilkan kadar faedah



Mudah tunai kekal lega



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada 6.39% dan 7.45% pada akhir bulan Jun. **Kadar purata pinjaman** (ALR) mereka juga secara relatifnya kekal tidak berubah pada 6.50% dan 10.08% (6.56% dan 10.04% pada akhir bulan Mei).



BLR kekal tidak berubah. ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan juga secara relatifnya kekal tidak berubah

Pada 15 Julai, struktur terma bagi **purata kadar deposit tetap** untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah dengan masing-masing mencatat 3.20% - 4.00%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar FD bagi bank perdagangan tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar benar FD 3 bulan adalah lebih rendah oleh kerana inflasi meningkat sedikit

Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau pada bulan Jun

Pada bulan Jun, **ringgit menyusut nilai** berbanding mata wang utama. Ringgit menyusut nilai berbanding euro (4.7%), paun sterling (3.9%), dan yen Jepun (2.6%), selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Dolar AS telah merosot berikutan daripada penerbitan data jualan runcit AS yang lebih lemah daripada jangkaan bagi bulan Mei dan kemerosotan sentimen pengguna yang melebihi jangkaan bagi bulan Jun. Tekanan ke atas dolar AS meningkat berikutan daripada pendedahan mengenai perkembangan yang kurang menggalakkan dalam pengurusan korporat dan amalan perakaunan di AS, kebimbangan mengenai isu keselamatan dan kebimbangan mengenai peningkatan defisit akaun semasa pada suku tahun pertama.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama

Selaras dengan perkembangan dalam kadar pertukaran dolar AS, **ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau** dalam lingkungan 1.0% - 1.7%. Selain daripada kelemahan dolar AS, peningkatan nilai mata wang serantau juga disebabkan oleh kemasukan modal berikutan sentimen optimis pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih baik. Rupiah Indonesia meningkat nilai berikutan penandatanganan Surat Tujuan dengan IMF bagi pengeluaran pinjaman di bawah program IMF. Sementara itu, baht Thai telah disokong oleh penerbitan data ekonomi yang lebih baik bagi bulan April dan data keyakinan pengguna yang kukuh bagi bulan Mei. Ekoran dari itu, Kerajaan Thai telah meningkatkan unjuran pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2002.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau

Pada tempoh **1 – 19 Julai 2002**, ringgit terus menurun nilai berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menurun berbanding euro sebanyak 3.0%, paun sterling sebanyak 3.6% dan yen Jepun sebanyak 3.5%. Dolar AS terus dipengaruhi oleh kebimbangan pasaran mengenai pengurusan korporat dan amalan perakaunan serta keseluruhan prestasi korporat. Penerbitan data yang menunjukkan peningkatan defisit akaun dagangan AS bagi bulan Mei dan kelemahan sentimen pengguna yang melebihi jangkaan bagi bulan Julai turut menyumbang kepada kelemahan nilai dolar. Pada masa yang sama, ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau, menyusut nilai berbanding dolar Singapura, baht Thai dan won Korea dalam lingkungan 1.9%-2.9%, sementara menaik nilai berbanding rupiah Indonesia sebanyak 1.4%. Ringgit secara relatifnya tidak berubah berbanding peso Filipina.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Jun 2002	19 Julai 2002	% Perubahan			
				Jun 2002	Akhir-Jun - 19 Julai 2002	Akhir-2001 - 19 Julai 2002	2 Sep. 1998 - 19 Julai 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.7421	3.8597	-4.7	-3.0	-12.8	-
Paun sterling	6.3708	5.7971	6.0114	-3.9	-3.6	-8.2	6.0
100 yen Jepun	2.7742	3.1613	3.2766	-2.6	-3.5	-11.6	-15.3
Dolar Singapura	2.1998	2.1509	2.1918	-1.0	-1.9	-6.3	0.4
100 baht Thai	9.3713	9.1182	9.3908	-1.7	-2.9	-8.4	-0.2
100 peso Filipina	8.8302	7.5386	7.5397	0.5	0.0	-2.3	17.1
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0437	0.0431	-1.1	1.4	-15.3	-17.9
100 won Korea	0.2827	0.3156	0.3245	-1.1	-2.7	-11.2	-12.9

Inflasi meningkat sedikit pada bulan Jun

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP, 2000=100), meningkat kepada 2.1% pada bulan Jun (Mei: 1.9%). Kenaikan dalam IHP disumbangkan terutamanya oleh kenaikan harga pengangkutan dan komunikasi; makanan; dan minuman dan tembakau. Harga makanan, yang mencakupi sebanyak 33.8% daripada jumlah keseluruhan dalam raga IHP, meningkat sebanyak 0.8% pada asas tahunan pada bulan Jun berbanding 0.5% dan 0.0% masing-masing pada bulan Jun 2001 dan Mei 2002. Ini terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan di rumah. Pada asas bulanan, IHP meningkat hanya sebanyak 0.1%.



Inflasi meningkat sedikit pada bulan Jun

Harga pengeluar meningkat pada bulan Mei

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR, 1989=100), meningkat sebanyak 3.1% pada asas tahunan pada bulan Mei (April: 1.4%). Kenaikan di dalam IHPR terutamanya disebabkan oleh pemulihan yang lebih kukuh dalam harga minyak sawit mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 2.4%.



Harga pengeluar meningkat pada bulan Mei

Pertumbuhan dalam bekalan wang kekal stabil

Pertumbuhan dalam bekalan wang kekal stabil, dengan wang secara luas, M3 meningkat sebanyak 6.5% pada asas tahunan pada akhir bulan Jun (6.5% pada akhir bulan Mei). Pada asas bulanan, M3 menurun sebanyak RM0.8 bilion. Pada bulan ini, operasi Kerajaan dan aktiviti pembiayaan oleh institusi perbankan memberi kesan pengembangan ke atas bekalan wang sebanyak RM2.2 bilion. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini sebahagiannya telah diimbangi oleh penurunan dalam operasi luar bersih (-RM1.8 bilion).

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari terus mengembang pada asas tahunan...

M3: Perubahan Bulanan



... pada asas bulanan, M3 menurun

Penentu-penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2002			
	Apr	Mei	Jun	Jan-Jun
M3	2.3	0.7	-0.8	13.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4.6	-2.0	1.7	6.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.6	3.6	0.5	12.7
Operasi luar bersih [1/]	-0.5	0.6	-1.8	4.3
Pengaruh lain	-3.5	-1.6	-1.2	-9.3

[1/] sebelum penilaian semula

…walaupun operasi Kerajaan dan aktiviti pembiayaan bank mengembang

Deposit sistem perbankan secara relatifnya stabil sementara pinjaman terus meningkat

Jumlah deposit secara relatifnya kekal stabil, mencatatkan penurunan yang kecil sebanyak RM400 juta atau -0.1% pada bulan Jun, mencerminkan pengeluaran bersih oleh institusi kewangan dan Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan dan kerajaan negeri meningkat. Pada asas tahunan, jumlah deposit terus meningkat sebanyak 3.2% pada akhir bulan Jun.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Apr.	Mei	Jun
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	643	-853	-741
Kerajaan Negeri	-68	62	335
Badan Berkanun[1/]	-168	447	-131
Institusi Kewangan	-758	374	-1,002
Perusahaan Perniagaan	956	-2,454	1,032
Individu	1,670	954	162
Lain-lain	64	56	-54
Jumlah	**2,340**	**-1,414**	**-400**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Institusi kewangan dan Kerajaan Persekutuan mencatatkan deposit yang lebih rendah, manakala deposit perusahaan perniagaan dan kerajaan negeri meningkat

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Apr.	Mei	Jun
Jenis			
Deposit tetap	-567	-223	-1,182
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	-518	302	-152
Deposit permintaan	1,222	-1,782	1,628
Deposit tabungan	735	77	-230
Perjanjian beli balik *(Repo)*	635	1,271	-2,238
Deposit mata wang asing	-13	416	-367
Deposit SPI	781	-1,531	2,196
Lain-lain	64	56	-54
Jumlah	**2,340**	**-1,414**	**-400**

Deposit yang rendah dicatat terutamanya dalam deposit tetap dan repo, sementara deposit permintaan dan SPI meningkat

Kesemua penunjuk pinjaman menunjukkan aktiviti berian pinjaman yang berterusan. Pengeluaran pinjaman dan pinjaman yang diluluskan terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Pinjaman yang diluluskan menyederhana pada bulan Jun, tetapi kekal tinggi. Bayaran balik pinjaman juga kekal tinggi sementara pengeluaran pinjaman menurun

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman secara relatifnya disalurkan dengan lebih meluas kepada pelbagai sektor ekonomi

Pinjaman yang belum dijelaskan yang diberikan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM2.5 bilion pada bulan Jun. Peningkatan dalam pinjaman ini telah disalurkan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang, serta untuk sektor bekalan elektrik, gas dan air. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 4% pada akhir bulan Jun.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2002		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Mei.	Jun	Jun
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	-44	-101	12,064
Perlombongan dan kuari	-49	-12	1,286
Perkilangan	-458	10	68,167
Bekalan elektrik, gas dan air	630	533	5,981
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	176	322	39,674
Sektor harta benda yang luas	2,778	988	182,388
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,070*	*1,132*	*93,630*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	489	-363	12,937
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	85	-19	35,274
Kredit penggunaan	1,172	1,123	75,673
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*879*	*797*	*50,749*
Kad kredit	*176*	*187*	*9,494*
Pembelian sekuriti	-41	150	30,189
Lain-lain	-174	-86	20,530
Jumlah Pinjaman[1/]	**4,564**	**2,545**	**484,164**

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Peningkatan dalam pinjaman yang belum dijelaskan adalah lebih kukuh untuk kredit penggunaan, pembelian rumah dan pinjaman kepada industri perkhidmatan

Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS lebih tinggi

Jumlah pembiayaan melalui **pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta** meningkat sebanyak RM1.2 bilion pada bulan Jun, atau 4% pada asas tahunan pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 4.6%).

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2002			2002	
	Apr.	Jun.	Jan-Jun	Apr.	Mei
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**2.9**	**1.9**	**10.5**	**5.1**	**4.8**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	4.6	2.5	13.6	4.1	4.0
Pegangan sekuriti hutang swasta	-1.7	-0.6	-3.1	30.9	25.6
Jumlah baki PDS * (2)	**-7.0**	**-1.3**	**-10.5**	**7.1**	**4.4**
Jumlah (1) + (2)	**-2.4**	**1.2**	**3.1**	**4.6**	**4.0**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun. Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Jun, berjumlah RM3.5 bilion. Ini disebabkan oleh penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan perolehan dana bersih yang lebih tinggi oleh sektor swasta di pasaran ekuiti, terutamanya melalui tawaran awam permulaan oleh sebuah syarikat besar. Sementara itu, pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) terus mengalami penebusan bersih, tetapi lebih kecil berbanding pada bulan sebelumnya.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Prestasi **Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur** (KLSE CI) terus menunjukkan peningkatan pada tiga minggu pertama pada bulan Jun, berikutan minat belian ke atas beberapa saham mewah yang terpilih. Walau bagaimanapun, penjualan saham berlaku menjelang akhir bulan Julai kesan daripada perkembangan korporat yang kurang menggalakkan di AS. Pada 28 Jun, KLSE CI ditutup pada 725.44 mata (-2.2% sejak akhir bulan Mei) dengan permodalan pasaran sebanyak RM506 bilion (-2.4% sejak akhir bulan Mei). Sementara itu, purata urus niaga harian adalah sebanyak 156 juta unit (245.5 juta unit pada bulan Mei).



KLSE CI kekal lemah pada bulan Julai

Sehingga kini pada bulan Julai, KLSE CI kekal lemah oleh kerana sentimen masih lagi dipengaruhi oleh faktor luaran, terutamanya pasaran saham AS yang lemah. Pada 23 Julai, KLSE CI ditutup pada 724.32 mata (-0.2% sejak akhir bulan Jun) dengan permodalan pasaran sebanyak RM535 bilion (+5.7% sejak akhir bulan Jun). Sementara itu, purata urus niaga harian pula adalah sebanyak 204 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM meningkat sebanyak RM4 bilion (AS$1.1 bilion) pada bulan Jun kepada RM127.7 bilion atau AS$33.6 bilion pada 29 Jun 2002 dan meningkat lagi kepada RM130 bilion atau AS$34.2 bilion pada 15 Julai 2002. Paras rizab ini adalah mencukupi untuk membiayai 5.7 bulan import tertangguh dan adalah 4.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Aliran masuk daripada pembawaan pulang perolehan eksport berkekalan pada bulan Jun. Aliran masuk ini telah mengimbangi sebahagian daripada pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh sektor swasta, pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan yang semakin meningkat dan penghantaran pulang keuntungan dan dividen yang lebih besar oleh syarikat-syarikat asing pada pertengahan tahun. Komposisi mata wang rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia yang pelbagai telah menyumbang kepada keuntungan penilaian semula sebanyak AS$1.4 bilion berikutan penilaian semula sukuan ke atas rizab yang terkumpul pada 29 Jun 2002, lalu menghasilkan keuntungan penilaian semula bersih sebanyak AS$1.2 bilion untuk separuh pertama tahun ini. Keuntungan penilaian semula ini juga telah mengimbangi kerugian penilaian semula sebanyak AS$1.1 bilion pada tahun

2001. Peningkatan rizab pada separuh pertama bulan Julai pula mencerminkan aliran masuk perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk bersih dana portfolio. Sementara terdapat pengambilan perolehan daripada Sijil Amanah Global Islam bernilai AS$600 juta yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan, terdapat juga pembayaran balik hutang luar negara sebanyak AS$520 juta.



Sistem perbankan bertambah kukuh

Kedudukan sistem perbankan bertambah kukuh pada bulan Jun dengan peningkatan dalam kualiti aset serta kedudukan modal yang bertambah baik. Hasil daripada kutipan balik hutang lapuk dan hapus kira, nisbah NPL bersih menurun kepada 8.1% manakala nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 12.8%. Terbitan modal hutang bawahan oleh sebuah bank perdagangan pada bulan Jun juga telah menyumbang kepada pengukuhan nisbah modal.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan							
	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun.	Dis.	Mei	Jun.
Modal							
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	10.5	10.5
RWCR (%)	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	12.3	12.8
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
Sistem Perbankan (%)	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.2	8.1
Sistem Perbankan (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,993	33,616
Peruntukan am/Jumlah pinjaman (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal



....RWCR meningkat kuk uh kepada 12.8%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



... nisbah NPL bersih jatuh kepada 8.1%

Danaharta telah mencapai kemajuan yang amat baik dalam usaha pemulihannya. Sebuah bangunan 121/2 tingkat di Kuala Lumpur berjaya dijual melalui tawaran tender khas dengan nilai jualan sebanyak RM24.11 juta. Jumlah ini merupakan 105% daripada kutipan balik ke atas nilai indikatif harta tanah tersebut iaitu sebanyak RM23 juta. Tawaran tender harta tanah kali ke-6 yang tamat pada 2 Mei 2002 mencatatkan jumlah jualan tertinggi dari segi jumlah dan nilai berbanding semua tender harta tanah yang telah diadakan setakat ini. Sejumlah 141 (atau 53%) daripada 265 harta tanah yang ditawarkan telah dijual dengan nilai jualan sebanyak RM326 juta. Tawaran tender ini melebihi 12% jumlah nilai indikatif harta tanah-harta tanah yang dijual sebanyak RM290.1 juta.

Suntikan modal oleh Danamodal ke dalam institusi perbankan kekal pada RM2.1 bilion pada akhir bulan Jun 2002. CDRC telah berjaya menyelesaikan dua lagi kes penyusunan semula pinjaman pada bulan Jun manakala satu kes telah ditolak. Hanya tinggal empat sahaja lagi kes yang belum diselesaikan dengan jumlah pinjaman bernilai RM11.1 bilion.

Statistik kes-kes CDRC setakat 19 Julai 2002

	Jumlah hutang * **(RM juta)**	**Bilangan kes**
Diterima	**67,644**	**87**
Ditarik balik/ditolak	10,736	26
Dipindahkan ke Danaharta	2,470	11
Kes yang dikendalikan	**54,438**	**50**
Selesai dirumuskan	**43,303**	**46**
Selesai dilaksanakan	*29,991*	*26*
Dalam pelaksanaan	*13,312*	*20*
Belum diselesaikan	**11,135**	**4**

**Termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir*

Bank Negara Malaysia
29 Julai 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Mei 2002		Jun 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	41.0	6.8	40.9	6.3
M1	80.7	11.6	82.3	14.2
M2	371.4	5.9	370.7	6.3
M3	484.3	6.5	483.5	6.5
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	489.1	3.8	488.7	3.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	481.6	4.1	484.2	4.0
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	418.7	3.7	421.5	3.7
Nisbah pinjaman-deposit (%)	85.6		86.3	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	15.2		11.2	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	36.3		34.7	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.3		12.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.2		8.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	123.7		127.7	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	32.6		33.6	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.97 [2.81]		2.97[2.83]	
3-bulan	3.23 [2.87]		3.21[2.89]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21[3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.3	1.9	103.4	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	130.5	3.1	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.5665		3.7421	
Paun Sterling	5.5727		5.7971	
Dolar Singapura	2.1295		2.1509	
100 Yen Jepun	3.0801		3.1613	
100 Baht Thai	8.9623		9.1182	
100 Peso Filipina	7.5773		7.5386	
100 Rupiah Indonesia	0.0432		0.0437	
100 Won Korea	0.3121		0.3156	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	0.0		3.2	
sektor swasta (RM bilion)	-4.8		0.3	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	741.76		725.44	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	518.41		505.89	